



**PEJABAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**GARIS PANDUAN
INTER-DISCIPLINARY IMPACT-DRIVEN
RESEARCH GRANT
(ID²RG)
TAHUN 2022**

**PEJABAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
ARAS 1, KOMPLEKS PENGURUSAN AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN
21030 KUALA NERUS, TERENGGANU
No. Tel.: 09-6684950
No. Faks : 09-6684944**



GARIS PANDUAN INTER-DISCIPLINARY IMPACT-DRIVEN RESEARCH GRANT (ID²RG)

1.0 FALSAFAH

Pembudayaan menjalankan penyelidikan bersifat inter-disiplin adalah amat penting bagi memberikan impak yang tinggi kepada universiti. Sejalan dengan hasrat untuk meningkatkan budaya menjalankan penyelidikan inter-disiplin dan penglibatan penyelidik muda dan senior (multi-kohort) di dalam satu pasukan penyelidikan, UMT telah memperkenalkan konsep *Special Interest Group* (SIG) yang diletakkan di bawah pengurusan kluster penyelidikan.

ID²RG diperkenalkan untuk menyemarakkan aktiviti penyelidikan SIG bagi memberikan impak akademik yang tinggi kepada UMT sama ada di peringkat kebangsaan, serantau mahupun antarabangsa.

2.0 OBJEKTIF ID²RG

Objektif penawaran ID²RG ialah:

- 2.1 Mengembangkan dan merancang budaya penyelidikan di kalangan penyelidik UMT yang mengintegrasikan penyelidikan inter-disiplin berserta multi-kohort dan multi-fakulti.
- 2.2 Memandu aktiviti penyelidikan berasaskan penghasilan impak (impact-driven).
- 2.3 Meletakkan fokus kepada bidang penyelidikan yang telah dikenalpasti kekuatannya di UMT serta dipadankan dengan bidang-bidang baharu (*emerging areas*) yang menyokong bidang tujahan UMT.
- 2.4 Menjadikan UMT sebagai pusat rujukan dalam bidang-bidang keutamaan/berfokus yang dikenalpasti dan seterusnya diiktiraf oleh negara.

3.0 KRITERIA PROGRAM DAN SUB PROJEK

- 3.1 Program mesti berfokuskan kepada bidang tujuhan UMT iaitu ilmu kelautan dan sumber akuatik.
- 3.2 Program mesti bersifat inter-disiplin.
- 3.3 Setiap satu program hendaklah dibentuk daripada sekurang-kurangnya tiga (3) sub-projek.
- 3.4 Tiga (3) sub-projek tersebut mestilah memenuhi kriteria berikut;
 - 3.4.1 Dibentuk daripada senarai RIG/RP sedia ada di fakulti/Institut Penyelidikan.
 - 3.4.2 Terdiri daripada gabungan multi disiplin RIG yang merentasi fakulti/Institut Penyelidikan dan merentas kluster penyelidikan.
 - 3.4.3 Terdiri daripada gabungan multi fakulti/Institut Penyelidikan daripada fakulti/Institut Penyelidikan yang berlainan.
 - 3.4.4 Tidak boleh bertindih dengan program penyelidikan sedia ada di Institut Penyelidikan (sekiranya berlaku pertindihan, SIG tersebut akan diketuai oleh Ketua Program Penyelidikan Institut yang berkaitan).
- 3.5 Ketua program wajib menjadi ketua salah satu daripada sub-projek.
- 3.6 Sekiranya sub-projek adalah dari RP, ketua sub-projek tersebut wajib dilantik sebagai ketua program.

4.0 SYARAT KELAYAKAN

- 4.1 Ketua Program adalah ahli akademik UMT yang dihormati dan dikenali (kepimpinan penyelidikan).
- 4.2 Ketua Program merupakan Ketua SIG yang berkaitan yang telah/akan diluluskan penubuhannya oleh JK Pemandu Kluster Penyelidikan UMT.
- 4.3 Ketua Program (kriteria dan syarat kelayakan):
 - 4.3.1 Warganegara Malaysia
 - 4.3.2 Berjawatan tetap di UMT
 - 4.3.3 Mempunyai rekod pencapaian cemerlang seperti berikut:
 - a. H-Index > 10 (bagi Bidang S&T)
 - b. H-Index > 4 (bagi Bidang Bukan S&T)
 - c. Menjadi Ketua Projek sekurang-kurangnya 4 geran penyelidikan yang telah tamat
 - d. Menjadi Penyelia Utama kepada sekurang-kurangnya 2 pelajar PhD bergraduat
- 4.4 Ketua Sub-Projek (kriteria dan syarat kelayakan):
 - 4.4.1 Warganegara Malaysia / Bukan Warganegara (*jika bukan warganegara, mesti mempunyai penyelidik warganegara Malaysia sebagai Ahli Penyelidik Bersama)
 - 4.4.2 Berjawatan tetap / staf kontrak di UMT. Bagi Ketua Sub Projek berstatus staf kontrak, kriteria/syarat berikut perlu dipenuhi;

- a. tempoh baki kontrak sekurang-kurangnya setahun dari tarikh tutup permohonan
 - b. mempunyai staf tetap sebagai ahli Penyelidik Bersama
- 4.4.3 Mempunyai rekod pencapaian yang baik seperti berikut:
- a. H-Index > 6 (bagi Bidang S&T)
 - b. H-Index > 3 (bagi Bidang Bukan S&T)
 - c. Menjadi Ketua Projek sekurang-kurangnya 2 geran penyelidikan yang telah tamat.
 - d. Menjadi Penyelia Utama kepada sekurang-kurangnya 1 pelajar PhD bergraduasi.

4.5 Penyelidik Bersama (kriteria dan syarat kelayakan):

- 4.5.1 Maksimum 6 ahli setiap sub-projek.
- 4.5.2 Bersifat multi-kohort dan multi-fakulti.
- 4.5.3 Terdiri dari ahli pelbagai rentas-RIG(s) dan RP.
- 4.5.4 Diwajibkan ada kolaborasi dengan penyelidik luar UMT (swasta / industri dan antarabangsa; bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat niat dan lain-lain dokumen yang berkaitan)

5.0 BIDANG PENYELIDIKAN

Pembiayaan ID²RG memfokuskan kepada bidang keutamaan yang dikenalpasti oleh Ketua Kluster Penyelidikan masing-masing dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Kluster Penyelidikan.

Kluster Penyelidikan	Bidang Keutamaan (Focus Area)	Existing strength	Emerging Areas
Sains Teknologi dan Kejuruteraan Marin	Green and sustainable energy	1. Renewable Energy System 2. Advanced Materials 3. Ocean Engineering Technology 4. Environmental Technology	1. Hydrogen Energy 2. Marine Energy 3. Carbon Footprint

Kluster Penyelidikan	Bidang Keutamaan (Focus Area)	Existing strength	Emerging Areas
Sains Kelautan dan Persekitaran Lestari	Ocean science, environment and sustainability	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ocean science and environment studies 2. Marine pollution & ecotoxicology 3. Ocean acidification 4. Coastal management and resilience 5. Marine ecosystem and Biodiversity conservation (coral reefs, mangroves, endangered species) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Data and info management 2. Biotechnology and Bioinformatics 3. Forensics 4. Marine Geology / Paleo-climatology 5. Microplastics 6. Carbon sequestration & Carbon trading
Jaminan Makanan	Food security in changing climate	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sustainable Fisheries (captured fisheries and aquaculture) 2. Farm Model of Organic Crops and Herbs for Edu Tourism 3. Precision farming (Incorporation of bio-sensors for better crop quality) 4. Green Technology (Waste to wealth) 5. Functional foods 6. Heritage foods (Signatory for Terengganu) 7. Innovative food products 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Climate adaptation for the aquatic edible food resources 2. Analysis and Mapping of Impacts under Climate Change for Adaptation and Food Security 3. Technology for sustainable crop 4. Technology for sustainable fishery 5. Fishery food quality and safety 6. Food entrepreneurship 7. Halal food supply chain 8. Nutrition for well-being

Kluster Penyelidikan	Bidang Keutamaan (Focus Area)	Existing strength	Emerging Areas
Data dan Sains Digital	Computational methods for scientific discovery	<ol style="list-style-type: none"> 1. Machine Learnings and Neural Networks 2. Fluid Dynamics 3. Mathematical Modeling 4. Stochastic Analysis and Financial Modeling 5. Fuzzy Sets and Uncertainties 6. Graph Theory 7. Topology 8. Dynamical Systems 9. Computer Aided Geometry Design 10. Artificial Intelligence 11. Decision Support Systems 12. Information Systems 13. Software Engineering 14. Distributed Computing 15. Information Retrieval 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Machine Learning and Artificial Intelligence

Kluster Penyelidikan	Bidang Keutamaan (Focus Area)	Existing strength	Emerging Areas
Maritim dan sains Komuniti	Conservation and sustainability of coastal and ocean affairs	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sociology and Economic Development 2. Business and Management (HRM & Agribusiness) 3. Business Administration (Tourism & Entrepreneurship) 4. Maritime Logistics, Operation and Transportation 5. Maritime Policy and Law 6. Ship Operators and Warehouse Performance Metrics 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Community and conservation sustainability 2. Green finance and business operations (including ship operations) 3. Environmental Sustainability 4. Maritime corruption and cyber security 5. Maritime heritage and resource 6. IR4.0 Technology (including Artificial Intelligent (AI) Innovation and Data Centre in the logistics and transport industry)

6.0 JANGKAAN HASIL PENYELIDIKAN

- 6.1 Projek Penyelidikan yang dipohon mestilah mencapai **serahan hasil penyelidikan (*research deliverables*)** yang akan ditentukan oleh panel penilai seperti berikut:
- 6.1.1 Menghasilkan sesuatu idea / teori / konsep / kaedah / model / data / instrument / perisian / proses baharu / produk yang memberi impak di peringkat global, atau
 - 6.1.2 Menambah baik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada yang memberi impak di peringkat kebangsaan dan global (*local solutions for global problems*).
- 6.2 Jangkaan hasil penyelidikan mestilah dapat diterjemahkan kepada **hasil keserjanaan penyelidikan (*scholarly research output*)**
- 6.2.1 **sekurang-kurangnya 20 artikel penyelidikan Q1/Q2** yang diterbitkan di dalam jurnal yang disenaraikan di dalam WoS
 - 6.2.2 Menghasilkan kertas polisi yang diterimapakai oleh pihak kerajaan (*optional*)
 - 6.2.3 Menghasilkan 2 orang pelajar PhD bergraduat.
- 6.3 Projek penyelidikan juga perlu **memberi impak** kepada *quintuple helix (impacts to quintuple helix)* terutama kepada universiti (academia)
- 6.3.1 Memberi kesan strategik, berupaya menaikkan nama UMT sebagai Pusat Rujukan dalam bidang keutamaan yang telah dikenalpasti dan perlu dicapai dalam tempoh 3-5 tahun (iaitu impak yang dapat diukur selepas 1-2 tahun projek tamat)
 - 6.3.2 Berhasil mengemukakan **bukti kelestarian penyelidikan SIG (*proof of sustainability*)** melalui;
 - i) **Penghantaran kertas konsep geran penyelidikan luar (tidak termasuk FRGS) semasa pemantauan kali pertama; dan**
 - ii) **Penerimaan geran penyelidikan (sebelum tahun ketiga).**

7.0 NILAI PEMBIAYAAN DAN TEMPOH PROJEK

7.1 Nilai Pembiayaan

Jumlah peruntukan maksimum bagi permohonan ID²RG adalah:

7.1.1 **RM300,000** per SIG Bidang **S&T**

7.1.2 **RM200,000** per SIG Bidang **Bukan S&T**

7.2 Tempoh

7.2.1 Tempoh **maksimum** adalah **3 tahun (36 bulan)**

7.2.2 Peruntukan Tahun 3 akan disalurkan berdasarkan geran padanan (*matching grant*) yang diperolehi.

7.2.2.1 Setiap SIG perlu membawa masuk geran luar UMT (geran FRGS tidak diambil kira) yang berkait secara langsung dengan bidang keutamaan di bawah pembiayaan ID²RG bagi mendapatkan geran padanan tahun ke-3 dana ID²RG pada kadar nisbah 1:1 (geran luar : ID²RG), sehingga maksimum siling peruntukan ID²RG sahaja.

7.2.3 Jadual di bawah menunjukkan contoh pengiraan agihan dana ID²RG untuk tempoh tahun 1 – 3, mengikut bidang:

BIDANG SIG	TAHUN 1 (RM)	TAHUN 2 (RM)	TAHUN 3 (RM) *Matching Grant	JUMLAH (RM)	BIL. SIG	JUMLAH BESAR (RM)
S&T (RM300,000/SIG)	100,000	100,000	100,000	300,000	4	1,200,000
NON S&T (RM200,000/SIG)	70,000	70,000	60,000	200,000	1	200,000
JUMLAH	170,000	170,000	160,000	500,000	5	1,400,000

8.0 SKOP PEMBIAYAAN

Penggunaan peruntukan dari geran penyelidikan ID²RG ini hanya boleh digunakan bagi tujuan pembayaran kos-kos berikut sahaja:

8.1 **Vot 11000**
(Pembayaran Upah dan Elaun)

Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja
DIBENARKAN

8.2 **Vot 21000**

(Perjalanan dan Pengangkutan)

- 8.2.1 Perjalanan dan pengangkutan berkaitan kerja-kerja fieldwork/sampling sahaja yang **DIBENARKAN**;
- 8.2.2 Kos perjalanan bagi tujuan menghadiri konferensi/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan sama ada dalam atau luar negara adalah **DIBENARKAN sekali sahaja**
- 8.2.3 Perjalanan menggunakan Kapal Terbang adalah terhad kepada kelas Ekonomi Terendah sahaja.

8.3 **Vot 24000**

(Sewaan)

- 8.3.1 Sewaan hanya dibenarkan untuk peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.
- 8.3.2 Sewaan PC dan Laptop hanya dibenarkan bagi projek yang berkaitan sahaja (Cth: Bidang ICT) dengan justifikasi teknikal secara bertulis. Penggunaan alatan tersebut hanya dibenarkan dalam tempoh projek penyelidikan itu sahaja.

8.4 **Vot 26000 / Fot 27000**

(Bekalan dan Bahan Penyelidikan)

- 8.4.1 Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja yang boleh dibuat.
- 8.4.2 Pembelian *consumables/research materials* sahaja yang **DIBENARKAN**.
- 8.4.3 Pembelian **SOFTWARE** adalah **TIDAK DIBENARKAN KECUALI** ia diperlukan bagi tujuan penyempurnaan projek penyelidikan dengan memberi justifikasi keperluan secara bertulis.

8.5 **Vot 28000**

(Baik pulih kecil dan ubahsuai)

- 8.5.1 Perbelanjaan untuk baik pulih, kecil terhadap bangunan, makmal, lain-lain peralatan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 8.5.2 Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

8.6 **Vot 29000**

(Perkhidmatan)

- 8.6.1 Bayaran perkhidmatan dibenarkan adalah termasuk pembayaran percetakan, hospitaliti dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan.
- 8.6.2 Bayaran yuran seminar adalah **DIBENARKAN**

- 8.6.3 Bayaran penggunaan komputer adalah **TIDAK DIBENARKAN**
- 8.6.4 Pembayaran bagi pemprosesan data, upahan pembanci (Enumerator)/ upahan perkhidmatan berkaitan dengan penyelidikan **HANYA DIBENARKAN** dengan kadar maksima 25 peratus (25%) daripada jumlah peruntukan **Vot 29000**
- 8.6.5 Pembayaran honorarium, jemputan pakar, konsultasi dan yuran ahli badan akademik adalah **TIDAK DIBENARKAN.**
- 8.6.6 Perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (dalam negeri sekali sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan yang tidak melebihi tempoh 3 minggu sahaja **DIBENARKAN.**

8.7 Vot 35000

(Aksesori dan Peralatan)

- 8.7.1 Pembelian aksesori dan peralatan / aset tetap / harta modal adalah **TIDAK DIBENARKAN.**
- 8.7.2 Pembelian **BUKU** rujukan adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

9 TATACARA PERMOHONAN

- 9.7 Permohonan hendaklah menggunakan format borang permohonan ID²RG yang disediakan oleh Urusetia (PPP). Borang boleh didapati di Pejabat PPP.
- 9.8 Borang permohonan hendaklah dihantar ke PPP setelah diisi dengan lengkap dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebelum tarikh tutup tawaran geran.
- 9.9 Pemohon hanya dibenarkan menjadi ketua program bagi **SATU** program dan hanya satu permohonan program sahaja akan diperakukan pada setiap fasa.
- 9.10 Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu permohonan projek sahaja pada setiap fasa.
- 9.11 Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang akan bermesyuarat mengikut keperluan semasa.
- 9.12 **Carta Alir proses** permohonan, penyaringan, penilaian dan kelulusan permohonan adalah seperti seperti di **Lampiran A.**

10 PENILAIAN PROPOSAL

- 10.1 Setiap proposal yang dikemukakan akan dinilai oleh ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).
- 10.2 Ketua kluster mesti menganggotai Jawatankuasa Penilaian Teknikal.
- 10.3 Keputusan akhir permohonan akan diperakukan di peringkat Jawatankuasa Pemandu Kluster Penyelidikan yang dipengerusikan Naib Canselor UMT.
- 10.4 Keputusan penilaian adalah muktamad.

11 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 11.1 Surat kelulusan projek akan disampaikan kepada Ketua Program setelah mendapat sokongan daripada Mesyuarat Penilaian Teknikal dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kluster Penyelidikan.
- 11.2 Pembayaran peruntukan akan disalurkan setelah surat kelulusan dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kluster Penyelidikan.

12 TANGGUNGJAWAB KETUA PROGRAM

Ketua program mestilah mempunyai reputasi yang cemerlang di dalam kepimpinan penyelidikan dan bertanggungjawab untuk:

- 12.1 Menyeleraskan pelaksanaan kesemua aktiviti penyelidikan di antara sub-projek.
- 12.2 Memantau prestasi kemajuan setiap sub-projek dan program secara keseluruhan bagi memastikan sasaran milestones dapat dicapai dalam masa yang ditetapkan.
- 12.3 Mengemukakan laporan kemajuan projek **6 bulan** sekali kepada Ketua Kluster Penyelidikan dan PPP.
- 12.4 Mengemukakan laporan akhir dalam tempoh yang telah ditetapkan (3 bulan selepas tamat tempoh projek penyelidikan) kepada Ketua Kluster Penyelidikan dan PPP.
- 12.5 Memastikan output, outcome dan impak hasil penyelidikan dapat dicapai dan serahkan dalam masa yang ditetapkan.
- 12.6 Memastikan kelestarian pelaksanaan projek penyelidikan di bawah SIG selepas projek tamat.

13 TANGGUNGJAWAB KETUA PROJEK

Ketua program hendaklah menunjukkan kualiti penyelidikan yang dijalankan berdasarkan kepada asas berikut:

- 13.1 Memastikan aktiviti penyelidikan berjalan mengikut jadual di bawah sub-projek masing-masing.
- 13.2 Memastikan peruntukan yang dibelanjakan mestilah mengikut tatacara garis panduan yang telah disediakan.
- 13.3 Mengemukakan laporan kemajuan projek **6 bulan** sekali kepada ketua program.
- 13.4 Mengemukakan laporan akhir dalam tempoh yang telah ditetapkan (3 bulan selepas tamat tempoh projek penyelidikan) kepada ketua program.
- 13.5 Memastikan jangkaan hasil penyelidikan yang dipersetujui dicapai dengan jayanya.
- 13.6 Memastikan semua ahli sub-projek penyelidikan melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam mencapai objektif projek yang diluluskan.

14 PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN

Projek penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Kluster Penyelidikan dan PPP berdasarkan kepada Garis Panduan dan Tadbir Urus Pemantauan Geran Penyelidikan seperti berikut:

14.1 Laporan Kemajuan

- 14.1.1 Ketua Program diwajibkan menghantar laporan kemajuan program dan sub-projek ke PPP 2 kali setahun
- 14.1.2 Borang adalah mengikut format yang disediakan oleh pihak PPP dan boleh didapati dari pejabat PPP atau melalui website PPP
- 14.1.3 Penilaian laporan kemajuan berkenaan terdiri dari **2 komponen** utama iaitu:
 - i) Prestasi projek
Tahap pencapaian *milestone*.
 - ii) Prestasi kewangan
Status belanja dan baki terkini peruntukan.
- 14.1.4 Tahap pencapaian jangkaan hasil penyelidikan perlu juga disertakan di dalam laporan

14.2 Laporan Akhir Program & Sesi Pembentangan Hasil Akhir Kajian

- 14.2.1 Ketua Program diwajibkan menghantar laporan akhir projek dan sub-projek bersama dengan salinan artikel penerbitan ke PPP dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh tamat projek.
- 14.2.2 Borang adalah mengikut format yang disediakan oleh pihak PPP.
- 14.2.3 PPP akan mengadakan sesi pembentangan hasil akhir kajian dan Ketua Program diwajibkan untuk membentangkan projek masing-masing di hadapan Jawatankuasa Penilaian Teknikal (panel penilai mengikut bidang kajian) yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Ketua sub-projek diwajibkan hadir bersama semasa sesi pembentangan tersebut.

15 PROSES DAN URUSAN PEMBELIAN/ TUNTUTAN / PEMBAYARAN BERKAITAN PROJEK PENYELIDIKAN

- 15.1 Semua urusan dan dokumen pembelian atau tuntutan berkaitan geran penyelidikan ini akan diuruskan oleh ketua sub-projek itu sendiri dan perlu mendapat kelulusan Ketua PTJ masing-masing.
- 15.2 Semua proses kewangan berkaitan projek penyelidikan ini akan diuruskan dan diselaraskan oleh PTJ masing-masing.
- 15.3 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Garis Panduan Pengurusan GRA/RA, Garis Panduan Pemantauan Geran Penyelidikan UMT, Tadbir Urus Pengurusan Geran Penyelidikan UMT dan peraturan kewangan UMT yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

16 LAIN-LAIN HAL

- 16.1 Sekiranya berlaku sebarang keadaan di mana Ketua Program atau Ketua Sub-Projek berhenti bertugas di UMT, berpindah ke institusi lain, atau mana-mana keadaan yang menyebabkan Ketua Projek tidak dapat memberi tumpuan dalam menyiapkan projek tersebut, maka Ketua Program atau Ketua Sub-Projek perlu menghantar surat bertulis ke PPP bagi tujuan pelantikan Ketua Program atau Ketua Sub-Projek yang baharu.
- 16.2 Ketua Kluster Penyelidikan bertanggungjawab dalam mencalonkan penyelidik yang bersesuaian sekiranya Ketua Program atau Ketua Sub-Projek berkaitan berhenti perkhidmatan di UMT atau berpindah ke institusi lain atau meninggal dunia.
- 16.3 Sekiranya Ketua Program atau Ketua Sub-Projek berhenti separuh jalan atau menolak ketika kelulusan telah diberi, maka Ketua Program atau Ketua Sub-Projek perlu menyatakan justifikasi bertulis ke PPP.

Keterangan /Tanggungjawab	Carta Alir	Rujukan
<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyediaan kertas cadangan penyelidikan oleh penyelidik. 2. Pengesahan dan sokongan Ketua Kluster Penyelidikan. 3. Panel Penilai (Jawatankuasa Teknikal) ID²RG membuat penilaian pembentangan kertas cadangan penyelidikan. 4. PPP menerima laporan/ komen Panel Penilai. 5. PPP membuat pelarasan mengikut syarat/kriteria yang ditetapkan. 6. PPP menerima keputusan daripada Jawatankuasa Pemandu Kluster Penyelidikan dan memaklumkan keputusan kepada penyelidik. 	<pre> graph TD Mula([Mula]) --> A[Penyediaan kertas cadangan penyelidikan] A --> B[Pengesahan dan sokongan Ketua Kluster Penyelidikan] B --> C[Penilaian kertas cadangan penyelidikan oleh Panel Penilai (Jawatankuasa Teknikal)] C --> D{Keputusan Penilaian} D -- Disokong --> E[Penyelarasan di peringkat PPP] D -- Tidak Disokong --> E E --> F[Penerimaan keputusan daripada Jawatankuasa Pemandu Kluster Penyelidikan dan pemakluman] F --> Tamat([Tamat]) </pre>	<p>Garis Panduan dan Borang Permohonan Geran Penyelidikan ID²RG yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu (JKPU)Kali Ke-64 Bil.1/2022</p>